KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 MEI, 2022

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

# Institusi Islam kekal utuh

## Program imarah, Ihya' Ramadan diteruskan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PERMATANG PASIR** - Tahun ini, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperuntukkan RM1 juta untuk program pengimarahan masjid dan surau di negeri ini.

Tambahan daripada itu, menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, seperti tahun-tahun sebelum ini, Kerajaan Negeri turut menyampaikan sumbangan Ihya' Ramadan kepada 246 masjid dan surau di kelima-lima daerah negeri ini dengan peruntukan berjumlah RM256,000.

Mengikut perincian, beliau memberitahu bahawa Masjid Negeri Pulau Pinang menerima sumbangan Ihya' Ramadan sebanyak RM2,000, lima masjid daerah memperoleh RM2,000 setiap masjid, manakala RM1,000 masing-masing kepada 207 masjid kariah, masjid jamek (13 buah) dan surau Jumaat (19 buah).

"Dengan peruntukan yang diberikan, saya menaruh harapan yang tinggi untuk melihat institusi agama Islam terus kekal harmoni dan utuh, sekali gus memastikan usaha pembangunan ummah masjid di negeri ini dapat direalisasikan dengan jayanya," ujarnya semasa merasmikan Majis Iftar Rakyat Peringkat Negeri Pulau Pinang di Dewan Orang Ramai Permatang Pasir di sini pada 6 April lepas.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa pihaknya berharap institusi masjid di Pulau Pinang dapat kembali menjadi penghubung perpaduan semasa rakyat khususnya orang-orang Islam.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil menyifatkan perasmian pembukaan Dewan Orang Ramai Permatang Pasir baru-baru ini sebagai 'hadiah' kepada penduduk lokal sempena menyambut Ramadan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar turut menyampaikan ucapan dalam majlis sama.

Serentak pada majlis sama, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut menyertai acara penyampaian cek replika sumbangan kepada beberapa masjid dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu.

Dalam perkembangan berasingan, Kon Yeow pada 4 April 2022 turut meluangkan masa merasmikan Dewan Pengurusan Jenazah dan Tempat Waris Menunggu di perkarangan Masjid Sembilang dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya.

*(Sambungan di muka 3).*

KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Naqi Md. Ali (kiri sekali) menurunkan tandatangan pada plak Dewan Pengurusan Jenazah dan Tempat Waris Menunggu di perkarangan Masjid Sembilang, Seberang Jaya baru-baru ini.






KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan pada Majlis Iftar Rakyat Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Tiga kadar bayaran zakat fitrah, umat Islam tunai ikut kemampuan

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menetapkan tiga kadar bayaran zakat fitrah berbeza bagi tahun ini iaitu RM7, RM13 dan RM20.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa penetapan kadar tersebut adalah bagi memberi peluang kepada umat Islam di negeri ini yang memiliki kelebihan dari segi kemampuan untuk menunaikan kewajiban mengikut kadar yang lebih tinggi.

"Bagi kumpulan majoriti yang memakan beras jenis super special tempatan lima (5) peratus; beras super special tempatan 10 peratus; beras tempatan premium dan beras putih import atau lain-lain yang setaranya, kadar zakat adalah sebanyak RM7 manakala, bagi kumpulan yang memakan beras wangi, beras pulut dan setara dengannya bayaran adalah pada kadar RM13.

"(Dan), bayaran zakat fitrah sebanyak RM20 pula bagi kumpulan yang memakan jenis berkualiti tinggi seperti beras basmati dan setara dengannya," ujarnya sejurus Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah 2022 Negeri Pulau Pinang anjuran Zakat Pulau Pinang (ZPP) di sini 29 Mac lalu.

Hadir sama, Setiausaha MAINPP, Samsudin Bakar; barisan Ahli Majlis MAINPP dan Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa kaedah pembayaran bagi tahun ini boleh dibuat secara dalam talian atau hadir secara fizikal seperti tahun-tahun sebelum ini.

"Walau bagaimanapun, lebih digalakkan sekiranya pembayaran itu dibuat secara dalam talian sahaja," serunya.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman pada Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah 2022 Negeri Pulau Pinang anjuran Zakat Pulau Pinang (ZPP) di sini baru-baru ini.**

## MAINPP peruntuk RM13.2 juta laksana aktiviti pendidikan dan pengurusan masjid

**GEORGE TOWN –** Sebanyak RM13,285,446 diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi aktiviti pendidikan dan pengurusan masjid di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi tahun 2022.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa peruntukan tersebut adalah meliputi pengagihan kepada Bahagian Pendidikan JHEAIPP berjumlah RM9.8 juta manakala baki RM3.4 juta untuk Bahagian Pengurusan Masjid dan Takmir sepanjang tahun ini.

"Semua penyediaan peruntukan ini adalah bagi membiayai aktiviti Sekolah Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Sekolah Agama Rakyat, Tadika Islam (TADIS), Sekolah Tahfiz dan Sekolah Pondok yang berdaftar dengan MAINPP.

"Selain itu, peruntukan ini juga termasuk untuk membiayai elaun tambahan RM200 seorang kepada semua guru KAFA setiap bulan dan RM250 sebulan kepada semua guru besar sekolah KAFA di samping mereka menerima bayaran elaun bulanan RM1,000 seorang daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," katanya ketika merasmikan Multaqa Murabbi Ummah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 23 Mac lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimee; Pengarah JHEAIPP, Dato' Mohd. Zakuan Zakaria serta ramai lagi.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua MAINPP menjelaskan bahawa peruntukan RM3.4 juta yang disediakan bagi aktiviti pengurusan masjid adalah termasuk membiayai kos program, kursus dan seminar serta bayaran saguhati tahunan kepada 261 guru takmir.

"Saguhati tahunan turut diberikan kepada 832 jawatankuasa kariah utama yang terdiri daripada pengerusi kariah, timbalan pengerusi, setiausaha serta bendahari di seluruh negeri dan juga membiayai elaun bulanan kepada 828 bilal serta siak di setiap kariah.

"Elaun kehadiran mesyuarat jawatankuasa kariah juga diperuntukkan kepada 3,120 ahli jawatankuasa kariah masjid seluruh negeri selain membiayai pelbagai aktiviti dan program masjid serta surau dari semasa ke semasa sepanjang tahun ini," ujarnya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa MAINPP sentiasa prihatin terhadap nasib 3,101 murabbi yang ada di negeri ini dan pihaknya sentiasa berusaha untuk memastikan mereka mendapat manfaat sewajarnya.

"Oleh itu, MAINPP akan memastikan hubungan kerjasama antara negeri Pulau Pinang dan JAKIM akan sentiasa utuh dan kukuh khususnya dalam aspek pendidikan serta pengurusan masjid yang melibatkan penyediaan peruntukan besar.

"Di samping itu, MAINPP juga turut membantu menyediakan peruntukan tambahan untuk melaksanakan program, seminar dan kursus yang bertujuan meningkatkan kefahaman dan melengkapkan keilmuan para murabbi sepanjang masa," ulasnya.

Dalam perkembangan semasa, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti memberitahu bahawa MAINPP bakal memperkenalkan projek masjidpro di setiap masjid kariah di seluruh negeri ini.

Beliau berkata, bahawa penggunaan sistem masjidpro adalah bertujuan memastikan setiap jawatankuasa kariah dapat mengurus tadbir masjid dengan lebih sistematik.

"Pelaksanaan penggunaan sistem masjidpro ini akan dibiayai menggunakan dana pendapatan masjid manakala kos sebahagian daripadanya akan dibiayai oleh MAINPP," jelasnya.

Pada majlis tersebut, JAKIM menyerahkan peruntukan tahun 2022 berjumlah RM31,217,982 kepada negeri Pulau Pinang bagi membiayai elaun bulanan kepada 1,586 guru KAFA, guru takmir (261) dan imam (438) dari 208 buah masjid kariah serta bayaran secara *one-off* sebanyak RM500 seorang kepada 3,101 orang murabbi.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Petugas barisan hadapan tangani kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dihargai

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI** - Semua petugas barisan hadapan yang terlibat dalam usaha menangani insiden kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang berlaku pada 12 Januari lepas begitu dihargai oleh Kerajaan Negeri hari ini.

Demikian kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sambil merakamkan penghargaan kepada Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye serta Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) kerana bersama-sama menganjurkan Majlis Apresiasi Petugas Barisan Hadapan Insiden Kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung di Dewan Serbaguna Jawi dekat sini pada 29 Mac 2022.

"Kerajaan Negeri amat berbangga dengan komitmen, tanggungjawab serta titik peluh dan keringat yang tidak mengenal erti penat lelah tuan-tuan serta puan-puan.

"Anda telah meletakkan kepentingan awam lebih daripada (kepentingan) peribadi dalam membantutkan kebakaran serta memindahkan semua penduduk ke tempat yang lebih selamat," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada majlis berkaitan.




**BARISAN hadapan yang menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri pada Majlis Apresiasi Petugas Barisan Hadapan Insiden Kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung di sini baru-baru ini.**

Menyorot peristiwa 12 Januari lepas, kira-kira 82 ekar Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung terbakar dan diisytiharkan sebagai kawasan bencana Tahap 1 berdasarkan penilaian Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Bencana kebakaran itu telah melibatkan keluasan 28 ekar serta memberi kesan langsung sekitar dua kawasan perumahan berhampiran iaitu 38 keluarga di Ladang Byram dan Kampung Kebun Baru (52 keluarga).

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa seramai 277 anggota barisan hadapan terlibat dalam operasi menangani bencana serta menyelamatkan orang awam berkenaan.

Mereka, menurut beliau, antaranya anggota barisan hadapan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Meteorologi Malaysia serta dua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Ladang Byram serta Kampung Kebun Baru.

"Operasi pemadaman telah menggunakan pelbagai jentera serta peralatan yang melibatkan koordinasi para petugas daripada pelbagai agensi negeri dan Persekutuan.

"Ini termasuk bantuan daripada Bomba sekitar SPS dan juga Parit Buntar (Perak)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Mooi Lye turut merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow kerana telah memberikan bayaran saguhati RM1,000 kepada setiap keluarga yang terjejas dek bencana kebakaran tersebut.

"Sebagai pemerintah (Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini) yang prihatin kepada rakyat, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kerana telah memberikan bayaran saguhati RM1,000 kepada 38 keluarga di Ladang Byram serta Kampung Kebun Baru (77)," ulasnya.

ADUN Sungai Bakap, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad dan Pegawai Daerah SPS, Marlia Mohd. Belia merupakan antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis apresiasi tersebut.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Penghargaan sumbangan 'rumah pengurusan jenazah'

Bercakap kepada pemberita, Setiausaha Jawatankuasa Kariah Masjid Sembilang, **MOHD. NAQI MD. ALI** yang mesra dipanggil 'Mamu Rashid' memberitahu bahawa semua kemudahan pengurusan jenazah secara berpusat itu dibina hasil daripada sumbangan RM100,000 daripada Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri.

"Dengan kos RM100,000 yang disumbangkan oleh Ketua Menteri ini, cukup untuk membina dewan pengurusan jenazah dan tempat waris menunggu, segala kelengkapan serta alatan untuk mandi, kafan jenazah, keranda secara berpusat di masjid kariah ini.

"Kelebihannya, dengan adanya semua kemudahan baharu ini, saya kira Dewan Pengurusan Jenazah dan Tempat Waris Menunggu secara berpusat ini adalah pertama seumpamanya di negeri Pulau Pinang yang membolehkan kita sediakan perkhidmatan berkaitan secara percuma untuk anak-anak kariah Masjid Sembilang.

"Kalau kita tengok kos pengurusan jenazah yang dilakukan oleh pihak tertentu di bandar baharu Seberang Jaya sebelum ini, ada yang boleh cecah sampai RM1,800, tetapi di sini semua kos itu diserap sepenuhnya oleh pihak Masjid Sembilang.

"Sehubungan itu, mewakili jawatankuasa kariah masjid ini, ingin saya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini yang mana Ketua Menteri memberi sumbangan bagi membina dewan pengurusan jenazah ini," ulasnya kepada Buletin Mutiara pada sesi wawancara pada 30 Mac lalu.

Difahamkan, Kon Yeow pada 12 April 2021 telah menerima kunjungan hormat jawatankuasa kariah Masjid Sembilang di pejabatnya dekat Komtar.

Dalam pertemuan tersebut, mereka membangkitkan kepada Kon Yeow mengenai isu keperluan sebuah 'rumah pengurusan jenazah' secara berpusat untuk penduduk setempat yang rata-rata adalah daripada kelompok isu rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40).

Pada 24 April tahun sama, Pejabat Ketua Menteri telah meluluskan peruntukan berwajib dalam tiga fasa pemajuan projek berkaitan Dewan Pengurusan Jenazah Dan Tempat Waris Menunggu di sini.

Sehingga kini, menurut Mohd. Naqi, terdapat enam jenazah anak kariah telahpun diuruskan secara percuma dan berpusat di dewan tersebut.

"Kalau selepas ini, ada mana-mana jenazah di negeri ini yang tidak dituntut oleh waris, insyaAllah kita akan mengambil tanggungjawab untuk menguruskan jenazah tersebut secara percuma juga, untuk memenuhi tuntutan fardu kifayah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Naqi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri semasa era YB Lim Guan Eng menjadi Ketua Menteri turut meluluskan permohonan tanah seluas 5,955 meter persegi untuk dijadikan tanah perkuburan Islam kariah Masjid Sembilang.

"Kiranya, untuk ahli kariah Masjid Sembilang ini, jasa dua Ketua Menteri akan terus dikenang," ujarnya lanjut.




**RUPA bentuk Dewan Pengurusan Jenazah dan Tempat Waris Menunggu Masjid Sembilang.**

# Usahawan diseru manfaatkan geran SME, kembali aktif



ABDUL Halim Hussain.

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memulihkan sektor perniagaan terumatanya membabitkan perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang terjejas teruk akibat penularan pandemik COVID-19.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa antara inisiatif yang dilaksanakan adalah termasuk menyediakan bantuan kewangan khas berjumlah RM1 juta kepada 1,000 SME untuk meningkatkan pendigitalan dalam perniagaan.

"Di sebalik pelbagai kesan negatif pandemik, terdapat juga manfaat yang boleh dipraktikkan oleh para usahawan demi kelangsungan perniagaan masing-masing.

"COVID-19 telah mengajar usahawan untuk menerima pakai teknologi terkini dan mengubah perniagaan untuk memenuhi perubahan era teknologi serta prosedur operasi standard (SOP) yang baharu.

"Walaupun terpaksa menghadapi perubahan teknologi, gangguan rantaian bekalan, perubahan iklim dan sebagainya, ia menjadi suatu pengajaran untuk semua supaya bersedia menghadapi ketidaktentuan pada masa hadapan.

"Justeru, para usahawan diseru supaya memanfaatkan geran SME berjumlah RM1,000 yang diberikan untuk kembali aktif dalam perniagaan masing-masing," ujarnya pada majlis *Grab 1 Million SME Grant* di sini.

Turut hadir, Pengerusi Hainan Association Seberang Perai, Ong Tang Chuan; Pengerusi Junior Chamber International (JCI) Tanjung Bunga, Sophia Loo; Pengerusi Perbadanan SME Seberang Perai, Francis Wong serta Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan (MIDA) Pulau Pinang, Muhammad Ghaddaffi Sardar.

Dalam sesi sama, Abdul Halim turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam mengekalkan daya tahan sektor pembuatan di negeri Pulau Pinang.

"Seperti yang semua sedia maklum, Pulau Pinang telah mengekalkan daya tahannya walaupun terkesan oleh wabak dengan mencatatkan jumlah pelaburan pembuatan berjumlah RM16.5 bilion pada tahun 2019, RM14.1 bilion (2020) dan RM76.2 bilion (2021).

"Sekalung penghargaan diucapkan kepada MIDA, *InvestPenang* (IP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), *SMECorp* dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) atas usaha mereka mengekalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelabur," serunya sambil menambah bahawa sektor perniagaan bakal pulih dan kembali kukuh pada tahun 2022.

1 CITY

LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT

LOKASI YANG STRATEGIK

1-CITY terletak di kawasan strategik berhampiran menuju Highway Utara-Selatan (PLUS) dan kawasan industri serta dijalinkan dengan bandar besar seperti Bukit Mertajam, Butterworth dan Kulim.




HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT

Harga Jualan:
RM808,000 (Min.)~RM2,080,000 (Mak.)

Luas Tanah:
1258.30kps (Min.)~4714.05kps (Mak.)

Luas Binaan:
1131.83kps (Min.)~2745.23kps (Mak.)




GPS: 5°18'42.394"N 100°26'28.643"E

PEMAJU:
WORLD CORPORATE

WORLD CORPORATE CONSTRUCTION SDN. BHD. (1149876-T)
1797-1-8, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Penang. **T**: 04-507 8980/507 8981 • **E**: loyal188@gmail.com

• Jumlah unit: 42 unit • No. kelulusan pelan bangunan: MPSP/40/20-43/42 • Tarikh dijangka siap: Sep 2022 • Pihak berkuasa yamg meluluskan pelan bangunan: MPSP • Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan informasi yang tertera di sini adalah tertakluk kepada variasi, perubahan dan gantian seperti mana yang dicadangkan oleh pihak berkuasa atau konsultant- konsultant project tanpa notis. Segala gambaran yang tercetak di sini adalah ilustrasi artis sahaja. * Tertakluk kepada syarat-syarat

# Dewan Orang Ramai Permatang Pasir siap, pastikan rakyat rasai nikmat kemajuan

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PERMATANG PASIR -** Kos pemajuan Dewan Orang Ramai Permatang Pasir adalah sebanyak RM3,205,703.03 sementara proses pengambilan tanah pula melibatkan perbelanjaan kira-kira RM1.9 juta.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek Kerajaan Negeri tersebut akan dimanfaatkan semaksimum mungkin dengan aktiviti sosial dan penglibatan komuniti lokal.

"Kita sedar kepentingan pembangunan yang seimbang, maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat pada peringkat lapangan dapat merasai nikmat kemajuan di sebalik mercu kepesatan (pembangunan) dan pelaburan Pulau Pinang.

"Dengan kapasiti 500 orang pada satu-satu masa, masyarakat setempat kini tidak lagi tercari-cari dewan yang besar dan selesa di kawasan lain," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam Majlis Perasmian Dewan Orang Ramai Permatang Pasir di sini pada 1 April 2022.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut berharap projek infrastruktur awam baharu itu akan meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat teramai sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Pasir dan Penanti, terutama Kampung Pelet di sini.

Difahamkan, projek rundingan untuk mengambil alih tanah terbiar tersebut dilakukan sejak tahun 2013.

Selanjutnya, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) bersama-sama Jabatan Kerja Raya (JKR) memulakan projek pemajuan tersebut pada 15 Ogos 2019 dan siap sepenuhnya pada 5 Januari 2022 setelah mengambil kira pelbagai kekangan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebelum itu, Pegawai Daerah SPT, Kamarul Haizal Koderat dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung iaitu dari proses pengambilan tanah sehingga kerja-kerja pemajuan projek.

"Cetusan untuk mewujudkan dewan ini adalah daripada Ahli Parlimen Permatang Pauh (Nurul Izzah Anwar).

"Proses rundingan dalam pengambilan tanah bukan singkat, tambahan pula berdepan pelbagai rintangan termasuk (kekangan dek) pandemik COVID-19," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow.

Selain Nurul Izzah, hadir sama ialah Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin yang juga ADUN Penanti; ADUN Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad dan Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang, Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid.



KETUA Menteri menurunkan tandatangan sebagai simbolik perasmian Dewan Orang Ramai Permatang Pasir di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk Dewan Orang Ramai Permatang Pasir.

## Inisiatif Penghijauan KBT, tujuh '*hotspot*' dadah dikenal pasti

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**PENANTI -** Sebanyak tujuh kawasan '*hotspot*' kegiatan penyalahgunaan dadah di negeri Pulau Pinang telah dikenal pasti bagi pelaksanaan Inisiatif Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) secara berperingkat sehingga tahun 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tujuh kawasan tersebut adalah membabitkan Mukim 1 Daerah Seberang Perai Utara; Mukim 12 Daerah Barat Daya; Mukim 13 Daerah Timur Laut serta Mukim 16, Mukim 19, Mukim 20 dan Mukim 21 Daerah Seberang Perai Tengah.

"Sebagai tanda komitmen dalam menangani isu dadah secara serius, Kerajaan Negeri telah menetapkan Fokus 5 Tahun di bawah Strategi Penang Lawan Ancaman Dadah (PLAD) menerusi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang ke arah merealisasikan Matlamat Dadah Terkawal 2025.

"Selain peruntukan sebanyak RM12,850 disalurkan bagi tujuan Kempen Antidadah di tujuh kawasan berkaitan sejak tahun 2021, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM318,000 untuk tempoh lima tahun bagi mencapai hasrat tersebut.

"Malah, Kerajaan Negeri juga sentiasa menyokong dan komited dalam menjayakan apa juga usaha yang dilaksanakan bagi menangani masalah dadah di negeri ini.

"Semua usaha dan pendekatan yang dijalankan melalui kerjasama strategik serta pintar amatlah penting bagi memastikan program berimpak tinggi dan kos efektif dapat dijayakan," katanya ketika merasmikan Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan dan Jerayawara Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 dekat Dewan Pintar, Taman Guar Perahu di sini pada 26 Mac lalu.

Turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, Sutekno Ahmad Belon; Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Pengarah (AADK) Pulau Pinang, Elmariah Chung dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Kamarul Haizal Koderat.

Pada masa sama, Kon Yeow turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek penghijauan Mukim 21 yang merupakan kawasan '*hotspot*' kegiatan penyalahgunaan dadah sebelum ini.

"Selepas menjadi Projek Rintis bagi Menangani Penyalahgunaan Dadah, Substans dan Pelencongan Sosial di bawah Inisiatif Penghijauan KBT Penagihan Dadah sejak September 2019, kita dapat lihat keadaan yang berbeza kini.

"Saya pasti rakyat di kawasan ini berasa lebih yakin dan selamat sejak adanya usaha-usaha yang dilaksanakan di Mukim 21 ini khususnya," katanya sambil menambah bahawa Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan RM66,000 bagi pelaksanaan Projek Rintis tersebut.

Difahamkam, Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan dan Jerayawara Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun ini masih lagi mengekalkan tema yang sama iaitu 'Lebih Baik Cegah' yang signifikan dengan usaha AADK dalam mencegah penyalahgunaan dadah.

# Naik taraf Kompleks Kolam Renang Awam, Seberang Jaya bermula

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja menaik taraf Kompleks Kolam Renang Awam, Seberang Jaya yang bermula pada April 2022 dijangka mengambil masa lapan hingga 12 bulan untuk disiapkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kos bagi kerja menaik taraf kemudahan awam tersebut adalah sebanyak RM3 juta yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat D Swim Academy Sdn. Bhd. sebagai pihak pelaksana projek.

"Kerja-kerja penaiktarafan adalah membabitkan pembinaan bumbung, pemasangan pam baharu, penaiktarafan kemudahan sedia ada seperti surau dan tandas, pembinaan kaunter tiket, kafeteria, kedai peralatan sukan serta astaka.

"Untuk makluman, projek menaik taraf, mengurus dan menyelenggara kompleks ini dibuat melalui *Request for Proposal* (RFP) dan tidak melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan dan Perjanjian Sub-Pajakan Kompleks Kolam Renang Awam, Seberang Jaya di sini 22 Mac lalu.

Kedua-dua perjanjian itu ditandatangani di antara tiga pihak yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang serta Syarikat D Swim Academy Sdn. Bhd..

Turut hadir, Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Nawawi; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad; Ahli Majlis bagi MBSP, P. David Marshel; Ketua Pengarah Eksekutif Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, Zul Kahar Khamis serta Pengarah Eksekutif Syarikat D Swim Academy Sdn. Bhd., Cyrena Yong.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa pemeteraian kedua-dua perjanjian tersebut memberikan gambaran yang lebih jelas berhubung pengurusan dan pemilikan bagi projek berkaitan.

"Melalui perjanjian itu, MBSP sebagai pemilik hartanah akan memajak kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang bagi mengurus serta mengoperasikan kompleks renang berkaitan secara berterusan mengikut piawaian ditetapkan.

"Seterusnya, pihak Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang dibenarkan memajak hartanah Kompleks Kolam Renang Awam ini kepada Syarikat D Swim Academy Sdn. Bhd. untuk menaik taraf fasiliti kompleks ini agar lebih kondusif," ujarnya.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata, pelaksanaan projek itu mampu membawa kemajuan dalam bidang sukan yang inklusif bagi negeri Pulau Pinang.

"Ini kerana fasiliti-fasiliti yang dibaik pulih ini mampu menyuburkan semangat kesukanan yang utuh dalam kalangan rakyat negeri ini.

"Selain itu, projek ini juga adalah selaras dengan Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara melalui Strategik Inisiatif A4 iaitu "Mempelbagaikan Kemudahan Sukan, Rekreasi, Kesenian dan Kebudayaan".

"Justeru, adalah diharapkan agar projek ini dapat menjadi produk transformasi yang sangat penting untuk pertumbuhan budaya kesukanan sekali gus melahirkan atlet renang terbaik di negeri ini," katanya.

Dalam pada itu, Lip Chee ketika ditemui menyatakan bahawa melalui perjanjian itu, Syarikat D Swim Academy Sdn. Bhd. akan mengendalikan perjalanan operasi untuk tempoh 18 tahun.

"Lebih penting lagi, kita hendak tegaskan adalah tiada sebarang kenaikan caj masuk dikenakan kepada orang awam yang mahu menggunakan fasiliti ini apabila ia siap dinaik taraf kelak.

"Sekiranya pihak syarikat mempunyai perancangan untuk menaikkan harga, mereka mestilah berbincang dan mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak MBSP serta Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang," tegasnya.


**VILA ASTER**

**HAKMILIK KEKAL**





**RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT**

| | JENIS A | JENIS B | JENIS C |
|---|---|---|---|
| Keluasan Petak Tanah: | 229 mp (min) - 365 mp (max) | 217 mp (min) - 355 mp (max) | 294 mp (min) - 403 mp (max) |
| Keluasan Binaan: | 253 mp (min) - 253 mp (max) | 233 mp (min) - 233 mp (max) | 274 mp (min) - 274 mp (max) |
| Harga Jualan: | RM808,000 (min) - RM946,000 (max) | RM788,000 (min) - RM1,118,000 (max) | RM928,000 (min) - RM998,000 (max) |
| Bilangan Unit: | 32 Unit | 58 Unit | 2 Unit |





| | RUMAH TERES 2 TINGKAT – JENIS A | RUMAH TERES 2 TINGKAT – JENIS B | RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT |
|---|---|---|---|
| Keluasan Petak Tanah: | 115 mp (min) - 294 mp (max) | 115 mp (min) - 282 mp (max) | 526 mp (min) - 526 mp (max) |
| Keluasan Binaan: | 200 mp (min) - 251 mp (max) | 199 mp (min) - 249 mp (max) | 470 mp (min) - 470 mp (max) |
| Harga Jualan: | RM678,000 (min) - RM1,065,000 (max) | RM678,000 (min) - RM851,000 (max) | RM1,178,000 (min) - RM1,178,000 (max) |
| Bilangan Unit: | 117 Unit | 45 unit | 1 unit |

**PALMINGTON SDN BHD (892241-W)**
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090 Email: tilb@tambunindah.com

No. Lesen Pemaju: 11882-16/07-2022/0391(L) Tempoh Sah : 08/07/2020 - 07/07/2022
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-16/07-2022/0391(P) Tempoh Sah : 08/07/2020 - 07/07/2022
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MBSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MBSP/40/20-75/74
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : Mei 2024 Bebanan Tanah : Tiada
Jenis Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal Sekatan Kepentingan : Tiada

Bilangan Unit:
- Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis A) - 32 unit
- Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis B) - 58 unit
- Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis C) - 2 unit
- Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A) - 117 unit
- Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B) - 45 unit
- Rumah Sesebuah 2 Tingkat - 1 unit

**5% Diskaun Untuk Bumiputera**

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# Kerja pulihara tembok laut Padang Kota Lama bakal siap

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADUN**

**GEORGE TOWN** - Projek pemuliharaan tembok laut berhampiran Padang Kota Lama sepanjang 460 meter (m) dijangka siap dalam tempoh terdekat.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa pihaknya turut merancang untuk mewujudkan beberapa taman landskap hijau dengan kos hampir RM15 juta, yang mana sebahagian daripada 10 projek fizikal sekitar *'North Eastern Sea Front'* dengan kos keseluruhan RM40 juta kini telahpun siap.

"Sebahagiannya telah siap seperti medan Esplanade, *fountain garden*, *Light Street Boulevard*, menara jam dan Dewan Undangan Negeri (Pulau Pinang).

"Sehubungan itu, ingin saya ucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam projek ini, termasuk Majlis Bandaraya (Pulau Pinang, MBPP), Think City Sdn. Bhd., Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Jabatan Warisan (Negara) atas usaha mereka dalam realisasikan projek awam ini untuk rakyat Pulau Pinang," jelasnya dipetik dari siaran langsung laman *Facebook* peribadinya pada 6 Mac 2022.

Terdahulu, Jagdeep pada 18 Februari 2021 telah membawa anggota rombongan berkaitan dan wartawan mengadakan lawatan secara mengejut di tapak projek pemuliharaan tembok laut baharu di Padang Kota Lama.

Hasil pemeriksaan yang diadakan, beliau menzahirkan rasa gembira kerana tahap pemajuan siap 50 peratus sebagaimana dalam jadual pelaksanaan projek.



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) pada sesi lawatan mengejut ke tapak projek tembok laut baharu Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.




# 'DEKATI RAKYAT'

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KEBERADAAN** beliau dalam pentadbiran negeri Pulau Pinang tidak asing lagi kerana sebelum ini beliau pernah menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) selama tiga tahun.

Kini, **DATO' AZHAR ARSHAD** diberikan peranan lebih besar dengan menerajui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) apabila dilantik sebagai Datuk Bandar bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu berkuat kuasa 1 Januari 2022.

Sebagai rekod, beliau merupakan individu kedua yang dilantik memegang jawatan tersebut sejak Seberang Perai diisytiharkan sebagai bandar raya pada 16 September 2019.

Azhar, 55, mempunyai kelulusan Sarjana Sains (Pengurusan Sumber Tanah) dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya selain memiliki Diploma Pendidikan dan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah serta Diploma Pengurusan Awam.

Beliau juga sebelum ini pernah berkhidmat di Kementerian Penerangan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri serta beberapa Pejabat Daerah dan Tanah di Pahang sebelum menyumbang bakti di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak November 2018.

Ketika ditemui Buletin Mutiara sempena wawancara khas baru-baru ini, Azhar menyifatkan tanggungjawab baru yang diamanahkan kepada beliau sebagai sesuatu yang menarik meskipun bebanan kerja kini semakin bertambah dan lebih rencam.

"Sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), skop kerja saya sebelum ini lebih makro kerana perlu melihat negeri (Pulau Pinang) secara keseluruhan sama ada dari segi pembangunan mahupun pelaburan.

"Namun begitu, tanggungjawab sekarang adalah lebih berat kerana memerlukan saya berjumpa dengan ramai orang (rakyat) selain perlu memahami kehendak serta menyelesaikan masalah-masalah mereka," ujarnya sebagai memulakan bicara.

## Cabaran

Sebagai pengemudi utama PBT terbesar dalam negara, Azhar mengakui bahawa cabaran yang terhidang di hadapan beliau adalah sangat besar terutamanya dalam usaha untuk memenuhi jangkaan dan kehendak masyarakat Seberang Perai.

"Hendak menguruskan sebuah PBT bukanlah mudah kerana permintaan dan jangkaan masyarakat semakin tinggi, lebih-lebih lagi dalam era teknologi serta media sosial yang membolehkan maklumat disebarkan dengan begitu pantas.

"Jangkaan masyarakat amat tinggi terutamanya dalam perkhidmatan teras PBT seperti kebersihan, keindahan, infrastruktur, trafik, jalan raya dan sebagainya yang pastinya memberikan cabaran yang amat besar," katanya.

Menurut Azhar, kejadian kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang berlaku hanya selepas hampir dua minggu beliau memegang jawatan Datuk Bandar MBSP merupakan pengalaman paling mencabar baginya setakat ini.

"Seperti yang kita sedia maklum, kebakaran di Pulau Burung telah berjaya dipadamkan sepenuhnya dengan bantuan pelbagai agensi kerajaan, dan kini MBSP dalam tindakan selanjutnya untuk memastikan bencana sama tidak berulang.

"Oleh itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu dalam usaha memadam kebakaran dan menyelesaikan masalah yang timbul daripada kejadian tersebut," ujarnya.




**DOKUMEN Seberang Perai Corporate Priorities 2022 yang bakal dilancarkan.**

## 10 fokus utama MBSP tahun ini

Melihat ke hadapan, Azhar memberitahu bahawa MBSP akan memberikan tumpuan terhadap 10 keutamaan strategik bagi tahun ini sebagaimana yang terkandung dalam *Seberang Perai Corporate Priorities 2022* (SPCP 2022).

"Lima keutamaan strategik yang dimaksudkan adalah persekitaran yang selamat, kemudahan dan infrastruktur berkualiti, gaya hidup sihat, pembangunan hijau dan persekitaran bersih serta penggunaan teknologi baharu.

"Selain itu, ia turut merangkumi ekonomi yang berdaya saing, memperkasakan budaya dan warisan, bandar berdaya tahan serta gembira untuk didiami, penglibatan masyarakat serta pembangunan yang inklusif dan saksama.

"Perincian mengenai setiap keutamaan strategik akan diumumkan semasa pelancaran SPCP 2022 secara rasmi kelak.

"Secara umumnya, SPCP 2022 merupakan dokumen strategik yang mengetengahkan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai oleh MBSP pada tahun ini demi kesejahteraan komuniti Seberang Perai," ulasnya.

Azhar memberitahu bahawa garis panduan MBSP juga berpegang kepada Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang digagaskan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Ini kerana, keempat-empat tema yang digariskan dalam Visi Penang2030 sememangnya berkait rapat dengan peranan PBT terutamanya MBSP.

"Sebagai contoh, untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar, kita perlu ada PBT pintar terlebih dahulu yang mana sekarang ini MBSP mempunyai 100 perkhidmatan yang disediakan melalui kaunter.

"Malah, MBSP juga menggalakkan inisiatif pintar seperti pembayaran tanpa tunai termasuk bayaran cukai taksiran, tempat letak kenderaan, sewa kompleks dan gerai jualan dan lain-lain.

